



PERBADANAN ASET KERETAPI  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

TARIKH: 30 MAC 2026

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

TAJUK PROJEK	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN
<b>NO. TENDER: RAC.K-A/01/26</b>  <b>PENGURUSAN FASILITI SECARA KOMPREHENSIF</b> DI STESEN KERETA API LABIS, STESEN KERETA API BEKOK, STESEN KERETA API PALOH, STESEN KERETA API KLUANG, STESEN KERETA API RENGAM, STESEN KERETA API LAYANG-LAYANG, STESEN KERETA API KULAI DAN STESEN KERETA API KEMPAS BARU, JOHOR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN UNTUK PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)	<b>Status:</b> Bumiputera  <b>Gred:</b> G4  <b>Pengkhususan:</b> F01 – Fasiliti Bangunan dan Infrastruktur Am  <b>Nota:</b> Kebenaran khas <b>tidak dibenarkan</b> untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan	<b>Harga Dokumen:</b>  RM100.00 (Tidak akan dikembalikan)  Perbankan Atas Talian ke atas nama <b>Perbadanan Aset Keretapi</b>	<u>Tarikh Jualan Dokumen:</u> <b>6 April 2026 (Isnin) – 13 April 2026 (Isnin)</b>  <u>Tarikh Muat Turun Dokumen:</u> <b>9 April 2026 (Khamis) – 17 April 2026 (Jumaat)</b>  <u>Catatan:</u> Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian ( <i>Cloud</i> ). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran.

**SESI TAKLIMAT TENDER dan LAWATAN TAPAK adalah DIWAJIBKAN** sepertimana ketetapan berikut:-

Tarikh : **6 April 2026 (Isnin)**

Masa : **10:30 Pagi**

Tempat : **Pejabat Urusan Wilayah Selatan RAC, PS 70, Seksyen 1, Jalan Bandar Satelit Sebang 3, Bandar Satelit Sebang, 78000 Alor Gajah, Melaka**

Hanya petender yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat dan lawatan tapak.

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakili individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran PPK, SPKK, STB dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) beserta **SATU (1) SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cop syarikat**.

Hanya petender yang telah menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak Tender boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada [payment.perolehan@rac.gov.my](mailto:payment.perolehan@rac.gov.my) dan disalinkan kepada [finance@rac.gov.my](mailto:finance@rac.gov.my) sebagai bukti pembayaran.

**TARIKH TUTUP TENDER:**  
**30 April 2026 (Khamis)**  
**Jam 12:00 Tengah Hari**

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen tender tidak akan diterima. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Tender di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di alamat :-

**Ketua Pegawai Eksekutif,  
Perbadanan Aset Keretapi,  
27-1, Sentral RAC,  
No.16 Jalan Tun Sambanthan,  
Brickfields,  
50470, Kuala Lumpur.**